

BELIA RADIKAL DIRI: SEORANG DITANGKAP, SEORANG LAGI DITAHAN DIBAWAH ISA

'Pergiat usaha dekati belia'

28 May 2015

NUR ADILAH MAHBOB, ERVINA MOHD JAMIL dan HASLEEN BACHIK

PENANGKAPAN belia yang menjadi radikal secara sendiri dan penahanan seorang lagi yang dipengaruhi fahaman pelampau menunjukkan usaha mendekati belia perlu dipergiat meskipun pengaruh Internet tidak mudah dikekang.

Kes terbaru itu menunjukkan juga pentingnya asas pendidikan Islam betul sebagai banteng mencegah penularan ajaran songsang dan ekstremis.

Demikian rata-rata pandangan beberapa pemimpin masyarakat Melayu/Islam mengenai kes itu. Mereka turut meluahkan rasa terkejut mengenai penangkapan dua belia tersebut.

Seorang daripada belia itu ialah M Arifil Azim Putra Norja'i, 19 tahun, yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) bulan lalu setelah didapati terlibat dalam kegiatan berhubung pengganasan.

Siasatan menunjukkan dia mempunyai rancangan menyertai militan yang menamakan kumpulan mereka Negara Islam di Iraq dan Syria (ISIS).

Seorang lagi, yang namanya tidak didedah Kementerian Ehwat Dalam Negeri (MHA), berusia 17 tahun dan ditahan bulan ini bagi siasatan lanjut untuk menentukan tahap radikalnya.

Pengerusi bersama Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG), Ustaz Ali Mohamed, berkata usia muda individu dalam kesitu memang menjadi keprihatinan kumpulan itu.

"Punca belia mudah terpengaruh ialah kurang pemahaman tentang ajaran agama betul. Mereka tidak belajar agama daripada guru bertauliah untuk mendapatkan bimbingan betul, tetapi sebaliknya daripada individu di Internet yang merosakkan Islam," ujar beliau.

Seorang lagi pengerusi bersama RRG, Ustaz Mohamad Hasbi Hassan, berkata sudah ada inisiatif mendekati belia, termasuk melalui Facebook, tetapi penangkapan terbaru itu menunjukkan usaha tersebut perlu dipergiat.

"Kalau dahulu masalah Jemaah Islamiyah (JI) melibatkan orang dewasa yang serba sedikit ada pengetahuan tentang ajaran Islam, sekarang timbul pula kes belia terpengaruh oleh fahaman ISIS kerana kosong dari segi ajaran asas agama," ujar Ustaz Hasbi.

Beliau menambah bahawa RRG sudah mula memberi kaunseling kepada kedua belia itu.

Jika sebelum ini RRG mempunyai buku panduan bagi asatizahnya menjalankan kaunseling mengenai (JI), RRG kini juga dalam proses mengeluarkan buku panduan baru untuk menangani fahaman radikal ISIS pula.

Pegawai Agama Masjid (MRO) Masjid Assyafaah, Ustaz Muhammad Shafaat Mohd Syonan, berkata masjid perlu terus terbuka untuk belia mendapatkan penjelasan mengenai agama.

"Contohnya, kelas agama di masjid boleh menerapkan sesi yang memberi peluang kepada belia untuk mengajukan pelbagai soalan.

"Kami perlu terus galakkan belia menghadiri kelas dan belajar daripada guru dan buku yang diiktiraf untuk mendapatkan bimbingan yang betul, dan tidak hanya bergantung pada sumber Internet yang kesahihannya tidak diketahui," ujar Ustaz Shafaat.

Pengerusi kumpulan penjagaan susulan antara agensi (ACG), Encik Azmoon Ahmad, pula menggesa badan Melayu/Islam supaya terus mendekati belia dan memberi tumpuan kepada pembangunan menyeluruh mereka.

"Sudah tiba masanya badan Melayu/Islam bergabung tenaga dan mengambil langkah bersepadu dalam usaha membangun belia, bukan sahaja dalam pendidikan Islam bahkan pembangunan keseluruhan mereka.

"Kita perlulakukan sesuatu kerana belia ialah masa depan kita," ujar Encik Azmoon, yang juga Pengerusi Angkatan Karyawan Islam (AMP).

Pada masa yang sama, ibu bapa tidak boleh lepas tangan kerana mereka memainkan peranan memastikan anak mereka menerima ajaran agama yang betul dari awal lagi, kata Presiden Taman Bacaan, Encik Abdul Halim Kader,

"Saya juga menyeru ibu bapa supaya merujuk kepada pihak berkuasa seperti Muis atau Kementerian Ehwat Dalam Negeri (MHA) apabila mereka melihat tanda-tanda anak mereka terpengaruh dengan fahaman radikal sebelum ia terlewat," ujar Encik Abdul Halim..

Beliau menambah, masyarakat Melayu/Islam juga perlu terus memperkukuh hubungan dengan masyarakat lain untuk menjelaskan ajaran Islam yang betul

"Jangan pula satu atau dua kes individu radikal ini menjejaskan nama baik seluruh masyarakat Melayu/Islam," ujarnya.